

PARLIMEN-MAHATHIR (MEMALI)

KUALA LUMPUR, 19 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA DI DEWAN RAKYAT HARI INI PASUKAN POLIS PERLU BERTINDAK TEGAS DALAM PERISTIWA MEMALI KERANA JIKA TIDAK KUMPULAN-KUMPULAN LAIN MUNGKIN MENCABAR POLIS PULA.

SEMASA MENJAWAB PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEMASA PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH DIRAJA, BELIAU MENEGASKAN JIKA POLIS TIDAK BEBAS BERTINDAK KERANA TAKUT MENCEDERAKAN ORANG, SUDAH TENTU ADA KUMPULAN LAIN YANG BERPENDAPAT JIKA MEREKA BERAMAI-RAMAI MENENTANG POLIS, MAKA POLIS AKAN MENJADI KAKU.

+JIKA POLIS BERASA SERBA SALAH DAN TAKUT DIKATAKAN BENGIS, MAKA POLIS SEBAGAI AGEN KESELAMATAN TIDAK AKAN BERKESAN LAGI.

+DENGAN ITU MASYARAKAT DI TEMPAT-TEMPAT TERTENTU TIDAK AKAN BERASA SELAMAT LAGI. DALAM KEADAAN INI SAMSENG MUNGKIN BERMAHARAJALELA SEPERTI PADA ZAMAN DAHULU.

+INILAH BAHAYANYA PERISTIWA MEMALI. CONTOH BURUK TELAH DITUNJUKKAN,+ TEGASNYA. -- LAGI.

1906MST 19 03 86

D810

U B602 DEB

PARLIMEN - MAHATHIR (MEMALI) 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI KHUATIR JIKA PASUKAN POLIS YANG SANGGUP MATI UNTUK MENJAGA KEAMANAN RAKYAT TIDAK DIHARGAI, MAKA SEMANGAT MEREKA AKAN MENJADI LEMAH.

+ALHAMDULLILLAH, INI BELUM BERLAKU. TETAPI KITA TIDAK BOLEH TERLALU YAKIN INI TIDAK AKAN BERLAKU,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMULAKAN JAWAPANNYA DENGAN MENARIK PERHATIAN BAHAWA KERTAS PUTIH MENGENAI MEMALI TIDAK MENDAPAT PERHATIAN SEWAJARNYA DARIPADA ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN YANG LEBIH TERPIKAT DENGAN BMF.

SEBENARNYA, KATA BELIAU, PERISTIWA MEMALI TIDAK KURANG BURUKNYA DARIPADA SKANDAL BMF.

+JIKA BMF IALAH CERITA PENIPUAN YANG BESAR, MEMALI MENDEDAHKAN JENAYAH YANG PALING BAHAYA KEPADA NEGARA,+ TEGAS BELIAU.

DALAM PERISTIWA ITU, UJARNYA, SATU KUMPULAN FANATIK TELAH MENCABAR KEWIBAWAAN KERAJAAN DAN TIDAK MENGAKUI HAK POLIS UNTUK MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG. -- LAGI

1938MST 19 03 86

D823

U B612 DEB

PARLIMEN - MAHATHIR (MEMALI) 3 KUALA LUMPUR

KATANYA KUMPULAN FANATIK ITU MENGADAKAN PASUKAN KAWALAN PERIBADI YANG BERSENJATA YANG SANGGUP MEMBUNUH DAN PERLENGKAPAN SENJATA MEREKA TERMASUK MOLOTOV COKTEL, ANAK PANAH BERACUN DAN JAMUNG YANG TIDAK PERNAH DIGUNA DI MALAYSIA.

KUMPULAN ITU JUGA MEMPERALATKAN WANITA TUA DAN MUDA DAN KANAK-KANAK SEBAGAI PERISAI BAGI LELAKI YANG PENGECUT, KATANYA.

+MEREKA MENIPU DIRI DENGAN KEPERCAYAAN KONONNYA MEREKA KEBAL. MEREKA DILATIH UNTUK MELINDUNG DIRI DARI BERBAGAI-BAGAI ALAT YANG DIGUNAKAN OLEH POLIS.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA HARI INI PERISTIWA ITU BERLAKU DI MEMALI DAN JIKA POLIS GAGAL BERTINDAK TEGAS DALAM PERISTIWA ITU, MUNGKIN POLIS AKAN DICABAR OLEH KUMPULAN-KUMPULAN LAIN PULA. -- BERNAMA.

2001MST 19 03 86

U B623 DEB
PARLIMEN - MAHATHIR (MEMALI) 4 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN)

MENGENAI AJARAN SESAT, PERDANA MENTERI MENGAKUI ADANYA AJARAN YANG SEUMPAMA ITU YANG DISEBARKAN OLEH ORANG LUAR.

KATANYA MEMANDANGKAN KEMASUKAN MERÉKA BUKAN SEBAGAI PENDAKWAH, ADALAH SUKAR UNTUK MENGAWAL KEMASUKAN MEREKA.

BAGAIMANA PUN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, PIHAK BERKUASA AGAMA ISLAM KERAJAAN NEGERI MEMPUNYAI KUASA YANG MENCUKUPI UNTUK MENCEGAH PENYEBARAN AJARAN SESAT DAN MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP ORANG YANG MENYEBAR ATAU MENGAJAR AGAMA ISLAM TANPA KEBENARAN DAN ORANG YANG MENYEBARKAN AJARAN SALAH.

+ WALAU BAGAIMANA PUN KUMPULAN ORANG YANG BERZIKIR DAN BERHIJRAH DARI MASJID KE MASJID BUKANLAH PENGANUT AJARAN SONGSANG ATAU AJARAN SESAT +, TEGASNYA. -- BERNAMA.

2038MST 19 03 86